


Perwakilan sudah akil baligh



Mukadimah

Um - 27/5/2007

MUKTAMAR Pas yang akan berlangsung pada 1 hingga 3 Jun ini dilihat sebagai gelanggang golongan ulama konservatif menyekat kemaraan golongan progresif dan profesional. Sebelum ini golongan progresif yang terdiri daripada kalangan profesional dilihat telah banyak mengubah pendekatan dan imej Pas.

Golongan ulama konservatif dikatakan bimbang dengan sikap proaktif golongan muda dalam parti itu. Mereka yang berfikir lebih terbuka dan realistik dengan kehendak generasi muda menimbulkan rasa kurang selesa golongan konservatif.

Ini yang membuatkan muktamar kali ini penting bagi Pas untuk mengembalikan penguasaan golongan konservatif seterusnya menghadapi pilihan raya. Keterbukaan kerajaan Kelantan menganjurkan konsert Mawi tidak lama dulu merupakan titik awal perubahan yang dibuat untuk mendekati golongan muda. Tetapi ini kurang disenangi oleh golongan konservatif.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menganggap pemilihan pada muktamar kali ini perlu seimbang, ada konservatif dan progresif.

"Saya harap perwakilan pilih ulama dari kedua-dua belah. Jangan konservatif saja, jangan profesional saja," kata Nik Abdul Aziz dalam wawancara oleh wartawan *Mingguan Malaysia* WAN ZULKIFLI WAN YAAKOB.

Sementara itu Ketua Dewan Pemuda Pas, Salahuddin Ayub pula dalam wawawancara oleh SITI MARIAM MD ZAIN di Kuala Lumpur menegaskan Pemuda mesti berani menegur pemimpin parti dan bukan "pak turut".

Saya harap sepenuhnya perwakilan pilih ulama-ulama daripada kedua-dua belah. Jangan pilih konservatif saja, jangan pilih profesional saja

— NIK ABDUL AZIZ

Kalau pemimpin utama sekalipun melakukan kesalahan, kita mesti menegur mereka. Ini peranan Pemuda — berani untuk menegur

— SALAHUDDIN



MINGGUAN: Bagaimana Datuk melihat pemilihan barisan kepimpinan pada muktamar yang akan berlangsung di Kota Bharu ketika pilihan raya mungkin diadakan bila-bila masa sahaja?

NIK ABDUL AZIZ: Bagi saya, pilih mereka yang berkemampuan melaksanakan Islam secara ilmu dan amal. Kita sekarang melalui zaman peralihan. Kerana biasa kita hanya jaga, urus pondok, surau dan masjid, sekarang kita mempunyai peluang untuk mentadbir negeri dan negara.

Negeri dan negara kita mengikut demokrasi, tak kira siapa saja, boleh pilih dan tentukan dasar partinya seperti yang dibenar negara.

Jika ambil Islam, ia bukan benda baru. Kalau ikut zaman Nabi Muhammad 1,400 tahun dulu dan kalau ambil Nabi-Nabi sebelum itu, beribu tahun lagi. Islam bukan ciptaan manusia, tapi Allah.

Datuk sebelum ini menggambarkan harapan mahu melihat wujudnya barisan pemimpin secara seimbang, ulama dan profesional. Apa yang dibimbangkan?

NIK ABDUL AZIZ: Isu ini tak timbul zaman dulu. Timbul zaman sekarang, apabila pemerintahan Islam dianggap pelik. Oleh demikian diberikan label ulama profesional dan konservatif yang dicetuskan oleh mereka yang tidak memahami dan menyenangi Islam. Mana ada dunia ini ulama Islam yang konservatif.

Sejarah Islam ada ulama geografi, ulama pertanian, ulama bedah doktor, ulama ekonomi. Bermacam, ulama. Tika itu kebetulan wujud kerajaan Islam di muka bumi. Apabila tiada lagi kerajaan Islam di dunia, maka ulama-ulama mengembangkan syiar melalui masjid, pondok, apatah lagi mereka ditekan dengan pelbagai cara oleh penjajah demi penjajah agar tidak muncul.

Bila timbul pemilihan, saya harap sepenuhnya perwakilan pilih ulama-ulama daripada kedua-dua belah. Jangan pilih konservatif saja, jangan pilih profesional saja. Kerana dalam Islam ada dua kaedah. Barang tetap, macam halal dan haram, tak boleh ubah. Satu lagi barang berubah-ubah, dari segi teknik.

Pernah Nabi bila pergi Perang Badar, baginda pasang khemah di satu tempat dan sahabat menanyakan sama ada tempat itu dipilih kerana kehendak Allah atau keputusannya, jika pandai-pandai kamu, ini bukan tempatnya, tak sesuai dari segi permukaan bumi.

Maka Nabi pindahkan ke tempat lain sebab mengaku orang ini profesional. Nabi mana tahu perang pada masa itu, yang tahu banyak fasal perang ialah Badawi. Jadi, Nabi terima pandangan mereka.

Dalam kerajaan Kelantan sendiri ada gabungan yang lengkap — ada yang berlatarkan ketenteraan, perubatan, korporat, pensyarah ekonomi dan pendidikan Islam. Alhamdulillah, ahli profesional turut menduduki barisan kepimpinan di Kelantan, sebab itu datang apa masalah pun, ia tak jadi masalah bagi saya sebagai ketua kerajaan kerana ia boleh diteliti dan diatasi kerana adanya mereka di samping dibantu oleh pegawai kerajaan.

Dengan kedudukan Datuk sebagai Mursyidul Am, kali ini Datuk dilihat tidak campur tangan untuk tentukan barisan kepimpinan.

NIK ABDUL AZIZ: Saya tak akan campur tangan, para perwakilan orang dah akil baligh, semua mereka dah mengerti bahawa kerja dan tanggungjawab yang dilakukan berupa ibadah untuk dunia dan akhirat.

Kita ini orang Islam serupa saja, baik 'sembahyang, baik mengundi, baik apa sahaja, semuanya adalah ibadat kepada Allah. Mana boleh paksa-paksa buat ibadat.

Datuk juga sebelum ini mencetuskan pandangan supaya turut diberi ruang kepada bukan Melayu terutama kaum Cina untuk berada dalam barisan kepimpinan parti pada masa depan, adakah ia begitu mendesak?

NIK ABDUL AZIZ: Sekarang belum ada lagi, namun kalangan bukan isiam kita semakin berjaya mendekati apabila sudah wujud kelab-kelab penyokong Pas dalam kalangan kaum Cina, India dan Siam yang merupakan benih-benih baru.

Mereka mula menyokong sebab dia lihat apa yang UMNO cakap fasal kita untuk menakutkan

dengan memberi gambaran negatif seperti mungkin mencetuskan keadaan yang kacau, soal ketepikan kaum lain dalam masyarakat majmuk, soal tak ada kemajuan, soal kemunduran. Yang jelas tak betul dan mengelirukan mereka.

Di Kelantan, sebagai contoh pembangunan fizikal banyak tumbuh, pelbagai kaum hidup bebas, penuh mesra dan majlis memasak bubur asyura yang dikaitkan dengan tradisi orang Melayu turut disertai oleh rakyat pelbagai kaum dalam suasana riang.

Datuk Annuar Tan (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Perpaduan Masyarakat Kelantan) mungkin boleh diangkat ke peringkat Pusat, kerana beliau mungkin sampel kejayaan orang Cina dalam Pas?

NIK ABDUL AZIZ: Memang dia dah diangkat. Tapi dia undur diri sebab pergi sana pun tak banyak peranan dan memberi tumpuan penuh di peringkat Kelantan terlebih dahulu.

Banyak pihak menyifatkan Pas perlu lebih berwajah Malaysia untuk benar-benar menarik sokongan bukan Melayu membolehkannya kembali bercita-cita menguasai pemerintahan negara.

NIK ABDUL AZIZ: Islam itu sendiri berwajah global, bukan setakat wajah Malaysia. Islam ini rahmat bagi seluruh alam.

Pada pandangan Datuk, apakah muktamar kali ini tidak ditangguhkan agar fokus tidak kepada pemilihan tetapi lebih terarah kepada satu persiapan gerak kerja pilihan raya?

NIK ABDUL AZIZ: Pilihan raya tidak lima tahun sekali. Tiap-tiap minit kita pilihan raya. Pilihan untuk melakukan yang baik dan yang buruk. Ini pilihan sebenar. Nak solat ke... nak mencuri, nak rasuah... berlaku sepanjang masa. Yang zahir kelihatan lima tahun sekali.

Menjelang pilihan raya kali ini tidak lagi kedengaran soal pimpinan Pas memperkatakan soal

memerintah negara. Lebih kepada pertahankan Kelantan, menguasai semula Terengganu dan meningkatkan kerusi di beberapa negeri. Adakah Pas kembali realistik bahawa tidak akan menang besar?

NIK ABDUL AZIZ: Islam adalah teras perjuangan dan agama itu diturunkan kepada manusia dan tiada seorang pun terkecuali daripada menerima Islam. Bagaimana kita nak terus gerakkan dakwah bagi penerimaan terhadap Islam, itu kerja Pas berterusan.

Jadi dalam muktamar ini, selain daripada nak jaga pangkalan di Kelantan, Kedah dan Terengganu, kita secara berterusan nak beritahu rakyat Malaysia bahawa Islam itu suatu cara hidup dan tiada kaedah lain yang lebih baik dan lebih selamat melainkan bersama Islam.

Kelantan dianggap sesetengah pihak sebagai benteng *survival* parti Pas manakala pimpinan Pas sentiasa merujuk ia sebagai contoh keberkesanan dakwah dan kepimpinan bertunjangkan Islam. Namun mengapa kepercayaan rakyat semakin terhakis sehingga hampir tumbang dalam pilihan raya umum lalu?

NIK ABDUL AZIZ: Tanya dulu apakah pilihan raya kita benar-benar secara demokrasi atau tidak. Banyak mana wang dicurah. Tengok sahaja kes pilihan raya kecil di Ijok.

Sering timbul masalah daftar pengundi hilang berpuluh ribu. Pengundi luar masuk tempat lain. Alhamdulillah nama saya tak hilang. Tapi ramai pengundi kita lepas ke Sabah, Perak. Dosa yang nak ditanggung Suruhanjaya Pilihan Raya, tidak siapa boleh maafkan, kalau dia tahu tapi dia buat juga.

Jika itu terus dijadikan alasan, apakah peluang Pas dalam pilihan raya kali ini?

NIK ABDUL AZIZ: Peluang Pas baik sekiranya demokrasi berjalan betul. Beri peluang kepada rakyat sepenuhnya, mengundi mengikut apa yang dia nak. Tapi jika dia sekat sana sekat sini, kita nak buat macam mana.